

**Tahap Kesejahteraan Hidup Penentu Risiko Gelandangan dalam Kalangan
Gelandangan Bekas Banduan: Kajian Empirikal di Jalan Chow Kit**
*Level of Well-Being as a Determinant of Racing Risk Among Ex-Prisonment Racing: An
Empirical Study on Jalan Chow Kit*

**Mohd Alif bin Jasni^{1,2,3*}, Zakiah Jamaluddin^{1,2}, Nor A'tikah Mat Ali¹, Muna Maryam Azmy⁴,
Nor Suzylah Sohaimi⁵ & Sofi Mohd Fikri⁶**

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

²Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia

³Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, No 25, Jalan Thamboosamy, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia

⁴Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

⁵School of Government, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

⁶Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

*Penulis Koresponden: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

Received: 30 May 2024; **Revised:** 17 December 2024 **Accepted:** 06 May 2025; **Published:** 16 May 2025

To cite this article (APA): Jasni, M. A., Jamaluddin, Z., Mat Ali, N. A. ., Azmy, M. M. ., Sohaimi, N. S., & Sofi Mohd Fikri. (2025). Tahap Kesejahteraan Hidup Penentu Risiko Gelandangan dalam Kalangan Gelandangan Bekas Banduan: Kajian Empirikal di Jalan Chow Kit. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(1), 80-98. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.5.2025>

Abstrak

Isu kesejahteraan hidup golongan bekas banduan perlu diberikan perhatian supaya golongan ini dapat meneruskan hidup dengan lebih produktif dan mengurangkan risiko gelandangan dalam kalangan mereka. Terdapat dua dimensi utama kesejahteraan hidup iaitu kesejahteraan material dan kesejahteraan hidup subjektif yang jarang diberikan perhatian. Kajian ini memberikan tumpuan kepada tahap kesejahteraan hidup material, kesejahteraan hidup subjektif dan tahap risiko gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui soal selidik melibatkan 142 orang responden di Jalan Chow Kit. Sampel kajian terdiri daripada individu yang mempunyai sejarah pemenjaraan yang kini hidup secara bergelandangan di sekitar Jalan Chow Kit. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan material, tahap kesejahteraan subjektif dan risiko gelandangan bekas banduan adalah sederhana. Dapatan menunjukkan nilai minimum skor purata bagi kesejahteraan material adalah 2.37, kesejahteraan subjektif 2.58 dan risiko gelandangan 2.56. Nilai purata terendah bagi kesejahteraan material mencerminkan kesan langsung ketiadaan pekerjaan dan ketidakmampuan untuk menyediakan keperluan asas seperti makanan dan perumahan. Kesejahteraan subjektif yang mencatat nilai purata skor minimum sebanyak 2.58 menggambarkan tahap kepuasan hidup yang sederhana dalam kalangan responden. Walaupun mereka menghadapi tekanan hidup, amalan kerohanian dengan nilai item tertinggi 2.99 menunjukkan bahawa aspek keagamaan memberi impak positif kepada kesejahteraan subjektif. Penemuan ini mencadangkan bahawa risiko gelandangan dalam kalangan individu yang pernah dipenjarakan mungkin dipengaruhi oleh interaksi kompleks pelbagai faktor selain daripada kesejahteraan material dan subjektif. Faktor sosial dan struktur seperti akses kepada rumah mampu milik, peluang pekerjaan, rangkaian sokongan sosial dan program integrasi semula boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko gelandangan selepas dibebaskan.

Kata kunci: Kesejahteraan hidup, risiko gelandangan, gelandangan, gelandangan bekas banduan

Abstract

The issue of the well-being of former prisoners needs attention to ensure they can lead more productive lives and reduce the risk of homelessness among them. There are two main dimensions of well-being: material well-being and subjective well-being, which are often overlooked. This study focuses on the levels of material well-being, subjective well-being, and the risk of homelessness among former prisoners. A quantitative approach was employed using a survey involving 142 respondents at Jalan Chow Kit. The study sample consisted of individuals with a history of incarceration who are currently homeless in the Jalan Chow Kit area. Overall, the study findings indicate that the levels of material well-being, subjective well-being and the risk of homelessness among former prisoners are moderate. The findings show that the minimum average scores for material well-being, subjective well-being and homelessness risk are 2.37, 2.58 and 2.56, respectively. The lowest average score for material well-being reflects the direct impact of unemployment and the inability to provide basic needs such as food and housing. The subjective well-being score, with a minimum average value of 2.58, depicts a moderate level of life satisfaction among the respondents. Despite facing life pressures, the highest-scoring item, spiritual practices (2.99), highlights the positive impact of religious aspects on subjective well-being. These findings suggest that the risk of homelessness among formerly incarcerated individuals may be influenced by the complex interaction of multiple factors beyond material and subjective well-being. Social and structural factors, such as access to affordable housing, employment opportunities, social support networks and reintegration programs, can play a crucial role in reducing the risk of homelessness after release.

Keywords: Well-being, homelessness risk, homelessness, homeless former prisoners.

1.0 PENGENALAN

Situasi bekas banduan terpaksa mengakhiri hidup menjadi gelandangan amat lazim di Malaysia (Jasni et al. 2018; Tharshini et al., 2018). Johnson dan Moschion (2019) telah menyatakan bahawa di negara seperti Amerika Syarikat, individu yang pernah melalui hukuman pemenjaraan mempunyai risiko yang jauh lebih besar menjadi gelandangan di jalanan. Malahan turut mengatakan bahawa bekas banduan berulang-kali atau mempunyai kebarangkalian lebih dari dua kali mengakhiri kehidupan sebagai gelandangan berbanding mereka yang hanya pernah dipenjarakan sekali. Begitu juga dalam laporan The Guardian pada tahun 2019, dua pertiga daripada bekas banduan yang bebas terpaksa menjadi gelandangan di Amerika Syarikat. Kebanyakannya disebabkan oleh beberapa faktor seperti penolakan keluarga, pengangguran disebabkan rekod jenayah dan tidak berkemampuan untuk menyewa bilik mahupun membeli rumah. Realitinya di Malaysia, tiada statistik yang benar-benar melaporkan jumlah bekas banduan yang berakhir sebagai gelandangan. Tidak banyak yang diketahui tentang statistik sebenar golongan ini. Mereka agak tersembunyi dan tidak diketahui umum. Walaupun usaha pelbagai kajian tempatan yang telah mula memfokuskan kajian kepada gelandangan bekas banduan, namun anggaran jumlah sebenar yang ada masih tidak diketahui sehingga kini. Sedangkan, pelbagai kajian terdahulu telah banyak merekodkan bahawa golongan bekas banduan mempunyai kecenderungan mengalami kegagalan berintegrasi semula ke dalam komuniti dan terpaksa memilih untuk menjadi gelandangan (Jasni et al., 2018). Situasi bergelandangan ini berpunca daripada kegagalan untuk berintegrasi semula dengan baik disebabkan oleh ketiadaan tempat untuk berteduh, kekurangan sokongan keluarga (Sanei & Mir-Khalili, 2015), peluang pekerjaan yang tipis (Denver, Siwach & Bushway, 2017) dan jangkitan penyakit-penyakit berisiko seperti *Human Immunodeficiency Virus* (HIV), Hepatitis B dan Tuberkulosis (Folk et al., 2017; Liem, 2017; Sanei & Mir-Khalili, 2015). Layanan yang kurang baik daripada masyarakat umum turut mempengaruhi kesejahteraan hidup bekas banduan dalam tempoh yang berpanjangan (Loeffler, 2013; James 2015; Dadashazar 2017; Idris & Ramli 2017; Mustafar et al., 2018).

Memahami hubungan kompleks mengenai risiko gelandangan dalam kalangan individu yang pernah dipenjarakan memerlukan pemeriksaan menyeluruh terhadap kedua-dua penentu seperti kesejahteraan material dan subjektif. Pelbagai aspek yang ditekankan bersilang dengan faktor masyarakat, ekonomi dan individu, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam membentuk risiko gelandangan dalam subset populasi gelandangan bekas banduan. Secara dasarnya, risiko gelandangan dalam kalangan bekas banduan merangkumi interaksi kompleks ketidakseimbangan struktur,

cabaran sistemik dan keadaan peribadi. Faktor kesejahteraan material merangkumi sumber ketara seperti perumahan, peluang pekerjaan dan kestabilan kewangan yang boleh mempengaruhi kemungkinan individu beralih sama ada daripada pengalaman pemenjaraan kepada sistem kediwaan yang stabil atau terpaksa berakhir menjadi gelandangan. Akses terhad kepada perumahan mampu milik diburukkan lagi oleh amalan penyewaan berdasarkan diskriminasi dan polisi perumahan yang ketat menyebabkan individu seperti bekas banduan berisiko gagal memenuhi keperluan perlindungan asas sebagai seorang manusia. Terdapat juga situasi apabila golongan gelandangan ini tidak mampu menyewa secara bulanan disebabkan pengangguran, ketiadaan pendapatan yang stabil ataupun tidak mampu untuk membayar deposit yang ditetapkan. Keadaan ini membuatkan terdapat dari kalangan mereka memilih untuk menyewa secara harian yang seringkali akan berakhir juga di jalanan disebabkan ketidakmampuan untuk membayar sewa.

Tambahan pula, peminggiran ekonomi yang berpunca daripada defisit pendidikan, kekurangan kemahiran yang boleh dipasarkan dan stigma yang dikaitkan dengan rekod jenayah boleh menghalang keupayaan bekas banduan untuk mendapatkan pekerjaan yang mampan. Ketidadaan rangkaian sokongan sosial yang teguh dan akses yang tidak mencukupi kepada perkhidmatan penting memburukkan lagi cabaran ini, menyebabkan bekas banduan bergelut dengan realiti kesukaran dalam kehidupan sepanjang proses integrasi semula. Dimensi kesejahteraan subjektif merangkumi kesihatan mental, hubungan sosial dan persepsi diri, memberi pengaruh yang mendalam terhadap risiko gelandangan dalam kalangan individu yang pernah dipenjarakan. Kesan psikologi pemenjaraan seperti trauma, stigma dan pengasingan sosial sering menggabungkan kelemahan kesihatan mental sedia ada, menyebabkan individu terdedah kepada ketidakstabilan akses perumahan dan berisiko hidup sebagai gelandangan. Selain itu, hubungan kekeluargaan yang tegang, rangkaian sosial yang terganggu dan keruntuhan nilai harga diri yang berpunca daripada pengalaman pemenjaraan boleh menghalang keupayaan individu daripada menjalin hubungan bermakna dan mengakses sistem sokongan penting, sekali gus meningkatkan kerentanan kepada kehilangan tempat tinggal. Persimpangan penentu dimensi kesejahteraan material dan subjektif menggariskan keperluan campur tangan secara holistik dan disasarkan untuk mengurangkan risiko gelandangan dalam kalangan individu yang pernah dipenjarakan. Penggunaan pendekatan pelbagai aspek meliputi kedua-dua penentu kesejahteraan material dan subjektif boleh bekerjasama untuk memecahkan kitaran risiko gelandangan dalam kalangan individu yang pernah dipenjarakan. Kesemua ini boleh memupuk laluan ke arah kestabilan, memulihkan maruah dan menggalakkan penyertaan ke dalam komuniti dengan lebih bermakna. Oleh itu, kajian ini berhasrat mencapai tiga objektif seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap kesejahteraan material dan subjektif dalam kalangan gelandangan bekas banduan di Jalan Chow Kit.
2. Mengukur tahap risiko gelandangan dalam kalangan gelandangan bekas banduan di Jalan Chow Kit.
3. Menguji hubungan antara kesejahteraan material dan subjektif dan risiko gelandangan dalam kalangan bekas banduan di Jalan Chow Kit.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Dimensi Kesejahteraan Material Dan Subjektif

Pengukuran kesejahteraan yang sangat subjektif menyebabkan pengkaji mengambil inisiatif mengukur kesejahteraan hidup gelandangan bekas banduan menerusi dua dimensi iaitu kesejahteraan material dan subjektif. Kedua-dua jenis dimensi kesejahteraan ini dilihat penting untuk dijadikan panduan dalam mengukur tahap kesejahteraan seseorang gelandangan bekas banduan.

2.1.1 Dimensi Kesejahteraan Material

Kesejahteraan material ditakrifkan sebagai kepuasan terhadap pelbagai kebimbangan ekonomi seperti pengendalian ekonomi kerajaan, cukai, kos keperluan asas, pendapatan isi rumah dan faedah sampingan

dari pekerjaan, keselamatan kewangan, taraf hidup dan aspek perbelanjaan (Sirgy, 2018). Thomson (1993) menegaskan bahawa kesejahteraan material tidak hanya dinilai pada wang dalam simpanan seseorang, malah merangkumi aset lain seperti pemilikan rumah, simpanan dan aset-aset lain serta masa yang bebas daripada pekerjaan bergaji. Tinjauan ekonomi *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) Malaysia (2019) memberi gambaran kesejahteraan material yang lebih meluas, iaitu mengambilkira aspek kualiti kehidupan seperti kesihatan, pendidikan, alam sekitar dan sosial. Deci & Ryan (1985) pula menegaskan bahawa kesejahteraan merupakan kemampuan memenuhi keperluan psikologi. Dimensi kesejahteraan material ini diukur melalui kadar pendapatan, corak penggunaan wang atau aset/kekayaan seperti berikut:

- i. Mempunyai pendapatan: pendapatan adalah komponen penting dalam kesejahteraan material, mewakili sumber kewangan yang tersedia untuk individu atau isi rumah untuk memenuhi keperluan dan keinginan mereka. Hal ini kerana pendapatan memainkan peranan utama dalam memenuhi keperluan asas individu seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan penjagaan kesihatan. Pendapatan yang mencukupi membolehkan individu membeli keperluan dan mengekalkan taraf hidup tertentu yang menyumbang kepada kesejahteraan secara keseluruhan kehidupan mereka.
- ii. Mempunyai pekerjaan yang sah: pekerjaan adalah komponen utama kesejahteraan material kerana ia membolehkan individu untuk memperolehi pendapatan (Aaltonen et al. 2017), seterusnya membolehkan mereka memenuhi keperluan material dan meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan. Pavelková & Zachová (2019) menekankan keperluan memperkenalkan program pekerjaan jangka panjang untuk membantu proses integrasi semula bekas banduan. Kebanyakan pekerjaan datang dengan faedah seperti insurans kesihatan, pelan persaraan, masa cuti berbayar dan faedah-faedah lain yang boleh meningkatkan kesejahteraan material. Kesemua ini dapat menyediakan individu dengan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang penting dan perlindungan kewangan sekiranya sakit.
- iii. Pemilikan kenderaan: pengangkutan adalah aspek penting dalam kesejahteraan material kerana ia membolehkan individu mengakses perkhidmatan penting seperti peluang pekerjaan, pendidikan, penjagaan kesihatan, hubungan sosial dan aktiviti masa lapang (Currie et al., 2009; Eden, 2018; Li et al., 2012; Hui & Khandker, 2016). Pengangkutan memudahkan akses kepada barangan dan perkhidmatan penting seperti barangan runcit, kemudahan penjagaan kesihatan dan kemudahan awam. Pengangkutan memastikan individu berupaya dalam memenuhi keperluan asas mereka tanpa halangan yang ketara (Mattingly et al., 2018; Shay et al., 2016; Vantol, 2019).
- iv. Kemampuan memiliki rumah: kemampuan memiliki rumah sering dianggap sebagai petunjuk penting kepada kesejahteraan material kerana ia menyediakan individu dan keluarga dengan kestabilan, keselamatan, dan rasa pemilikan aset penting (Bundela, 2018; Kisooson, 2020). Hal ini kerana gelandangan sering dinafikan dalam sistem kepemilikan tempat tinggal (Tsai et al., 2012; Visser & Travis, 2011). Pemilikan rumah menawarkan kestabilan dalam pengaturan perumahan, memberikan individu dan keluarga rasa kekal dan kepunyaan dalam komuniti mereka. Tidak seperti menyewa, pemilikan rumah menawarkan perlindungan terhadap kenaikan sewa, pengusiran atau perubahan dalam pengaturan hidup, menyumbang kepada rasa selamat dan dikurniakan ketenangan fikiran.
- v. Mempunyai pakaian yang bersih: pakaian menyumbang kepada kesihatan, kebersihan, harga diri dan kualiti hidup individu secara keseluruhan. Realitinya gelandangan sering menghadapi masalah pakaian lama, tidak bertukar dan lusuh (Henwood et al., 2015). Pakaian yang bersih boleh memberi kesan positif bukan sahaja kepada kesejahteraan material, bahkan mental dan emosi individu. Memakai pakaian yang bersih dan diuruskan dengan baik boleh meningkatkan harga diri, keyakinan dan maruah individu dalam penampilan mereka.
- vi. Mendapat makanan yang seimbang: pemakanan seimbang membekalkan nutrien penting seperti vitamin dan mineral yang diperlukan untuk mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan yang optimum (Yani et al., 2016). Hal ini kerana Alowaimier (2018) mengatakan gelandangan sering didapati mengalami masalah nutrisi yang sangat rendah. Akses kepada pelbagai makanan yang berkhasiat termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin penuh, protein tanpa lemak dan

lemak yang sihat, menyokong pertumbuhan, perkembangan dan fungsi sistem badan yang produktif. Pengambilan diet seimbang juga dilihat penting untuk menggalakkan kesihatan jangka panjang dan kesejahteraan sepanjang hayat.

2.1.2 Kesejahteraan Subjektif

Kesejahteraan subjektif didefinisikan sebagai penilaian kognitif dan afektif dalam sesebuah kehidupan (Diener et al., 1997). Konsep ini merangkumi penilaian terhadap kehidupan yang melibatkan kesan yang menyenangkan, kesan yang jarang berlaku, serta kepuasan hidup yang mempunyai unsur emosi (afektif), memori (kognitif), pengalaman dan penilaian kehidupan yang dialami (Tov & Diener, 2007). Tambahan lagi, Diener & Scollon (2003) menegaskan peranan kesejahteraan subjektif sebagai hubungan antara penilaian kehidupan yang meliputi aspek afektif atau emosi (positif dan negatif), kognitif, pengalaman dengan aspek lain seperti kekeluargaan, perkahwinan, pekerjaan dan persekitaran. Individu yang memiliki tahap kepuasan hidup yang tinggi dan afektif positif yang tinggi akan memiliki tahap kesejahteraan subjektif yang tinggi dan sebaliknya. Ini kerana kesejahteraan subjektif adalah berdasarkan kepada perspektif '*hedonic*' yang menekankan peningkatan kesejahteraan dan kegembiraan serta pengurangan kesedihan (Mustafa, 2018). Diener et al. (2009) menerangkan kualiti hidup termasuk reaksi emosi dan penghakiman kognitif dalam kehidupan manusia. Antara faktor yang dikaji dalam kesejahteraan subjektif adalah seperti berikut (Ekici, & Koydemir, 2016; Maddux, 2018):

- i. Kegembiraan: merujuk kepada penilaian individu sendiri terhadap kepuasan keseluruhan mereka dalam kehidupan dan pengalaman mereka terhadap emosi positif. Ia menekankan penilaian peribadi dan dalaman kehidupan seseorang berdasarkan beberapa kriteria. Kesejahteraan subjektif adalah subjektif kerana ia berbeza dari seorang kepada individu lain kerana wujudnya perbezaan dalam keadaan hidup, faktor budaya dan nilai peribadi. Apa yang membahagiakan seseorang belum tentu membawa kebahagiaan kepada orang lain.
- ii. Kepuasan hidup: merujuk kepada penilaian keseluruhan individu terhadap kehidupan mereka secara keseluruhan. Ia mencerminkan sejauh mana individu merasa puas dan berpuas hati dengan pelbagai aspek kehidupan mereka.
- iii. Kualiti hidup: individu yang berbeza mungkin mengutamakan aspek kehidupan yang berbeza dan mungkin memperoleh kepuasan dan kesejahteraan daripada pelbagai sumber berbeza.
- iv. Kemurungan: mewakili penyimpangan yang ketara daripada kesejahteraan subjektif. Gelandangan didapati sering menghadapi penyakit kemurungan yang sangat tinggi (Bender et al., 2015; Dell et al., 2019). Kesejahteraan subjektif biasanya merangkumi perasaan kepuasan dan kegembiraan keseluruhan dengan kehidupan manakala kemurungan melibatkan perasaan sedih yang berterusan, putus asa dan tidak berminat dalam aktiviti yang menyeronokkan. Kemurungan melibatkan individu dengan keadaan emosi negatif yang berterusan.
- v. Tekanan: merupakan antara faktor penting untuk dipertimbangkan dalam kerangka kesejahteraan subjektif kerana ia boleh mempengaruhi persepsi individu terhadap keseluruhan kebahagiaan dan kepuasan hidup mereka. Walaupun tekanan itu sendiri tidak sinonim dengan kesejahteraan, memahami bagaimana tekanan mempengaruhi kesejahteraan subjektif boleh memberikan pandangan tentang hubungan kompleks antara tekanan dan pengalaman subjektif individu. Kajian yang dijalankan oleh Abracen et al., (2013) dan Cochran et al., (2012) menyebut bahawa bekas banduan sering menghadapi tekanan dan pengasingan sosial.

Bekas banduan sering menghadapi pelbagai cabaran kesihatan mental termasuk kemurungan, kebimbangan, gangguan tekanan selepas trauma (PTSD) dan gangguan penyalahgunaan dadah. Menurut Bender et al., (2015), PTSD dan kemurungan sering berlaku dalam kalangan gelandangan dewasa. Malahan, masalah psikologi turut direkodkan dalam kalangan ibu-ibu yang ketiadaan tempat tinggal (Roze, Vandetorren & Melchior, 2018). Gelandangan lelaki homoseksual turut melaporkan masalah psikologi yang tinggi (Fletcher & Reback, 2017). Dell et al., (2019) turut melaporkan situasi gelandangan mengalami penyakit psikiatri seperti PTSD dan kemurungan. Isu-isu ini boleh berkait rapat dengan pengalaman mereka sebelum, semasa dan selepas pemenjaraan dan diburukkan dengan ketara oleh pengalaman kehidupan bergelandangan. Semasa pemenjaraan, individu mungkin mengalami

kehilangan autonomi peribadi, pendedahan kepada keganasan dan pengasingan daripada orang tersayang. Pengalaman ini boleh membawa kepada perasaan putus asa yang berterusan selepas dibebaskan daripada penjara. Kriegel (2019) mengatakan bekas banduan yang mempunyai masalah mental mengalami kegagalan dalam mendapatkan rawatan kesihatan mental selepas dibebaskan. Beberapa kajian seperti Barrenger et al. (2017), Epperson et al. (2014), Skeem et al., (2011) mengatakan tidak semua bekas banduan yang dibebaskan layak untuk mendapatkan rawatan malahan rawatan yang disediakan tidak sesuai dengan keperluan mereka. Ketidakpastian kehidupan selepas penjara ditambah pula dengan tekanan mencari pekerjaan, mendapatkan tempat tinggal dan mengelakkan dari terlibat semula ke dalam jenayah adalah sangat mencabar. Situasi sebegini boleh mewujudkan kebimbangan dan ketakutan yang berterusan. Kebimbangan ini boleh melemahkan, menjejaskan keupayaan untuk membuat keputusan dan melemahkan fokus penglibatan dalam aktiviti harian. Ramai gelandangan bekas banduan mengalami PTSD, terutamanya jika mereka telah terdedah kepada keganasan, penderaan atau peristiwa traumatik lain sama ada sebelum atau semasa pemenjaraan. Pengambilan dadah merupakan mekanisme mengatasi trauma, tekanan dan masalah kesihatan mental. Kitaran ketagihan boleh menjadi sukar ianya untuk dihentikan, terutamanya tanpa sistem sokongan yang mencukupi. Penyalahgunaan dadah juga boleh membawa kepada tingkah laku jenayah dan pemenjaraan semula, mengekalkan kitaran ketidakstabilan dan kehilangan tempat tinggal.

Memburukkan lagi keadaan apabila masalah kesihatan mental dihadapi oleh bekas banduan agak kritikal. Ketidakstabilan dan tekanan kerana tidak mempunyai tempat tinggal yang selamat boleh menyebabkan mereka lebih tertekan dan kebimbangan. Keadaan ini sering membawa kepada kematian awal dalam kalangan gelandangan (Vandentorren & Chauvin, 2018). Kekurangan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan sokongan semasa hidup bergelandangan menyukarkan pengurusan dan rawatan kesihatan mental yang berkesan. Masyarakat sering memandang individu gelandangan bekas banduan melalui lensa penghakiman dan syak wasangka yang boleh membawa kepada diskriminasi dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk pekerjaan, perumahan dan interaksi sosial. Stigma yang dikaitkan dengan bekas banduan dan gelandangan boleh membawa kepada pengasingan sosial yang mendalam. Pengasingan ini boleh menghalang mereka daripada membentuk hubungan baharu dan berintegrasi semula ke dalam masyarakat, mewujudkan kitaran ganas kesunyian dan keputusan (Abracen et al., 2013; Cochran et al., 2012). Kesan gabungan isu kesihatan mental, gelandangan dan stigma masyarakat boleh menjejaskan perasaan harga diri dan identiti seseorang dengan begitu teruk. Bekas banduan sering bergelut dengan perasaan malu dan bersalah tentang masa lalu mereka, ditambah lagi dengan cabaran dan penolakan harian yang mereka hadapi. Ini boleh menyebabkan kehilangan motivasi dan harapan seterusnya memberi kesan kepada proses perjuangan mereka sepanjang hidup di jalanan.

2.2 Risiko Gelandangan

Ramai individu yang pernah dipenjarakan menghadapi cabaran mendapatkan perumahan yang stabil disebabkan oleh faktor seperti pilihan rumah mampu milik yang terhad, diskriminasi sewa berdasarkan sejarah jenayah dan kekurangan sumber kewangan (Visser & Travis, 2011; Tsai et al., 2012). Kesukaran mencari atau mendapatkan pekerjaan yang menawarkan gaji yang mencukupi menyebabkan ketidakstabilan kewangan, menjadikannya cabaran utama untuk membeli rumah dan memenuhi keperluan asas. Individu yang meninggalkan penjara selalunya kekurangan sumber kewangan dan mungkin bergelut untuk mengakses program bantuan awam atau mendapatkan dokumen penting yang diperlukan untuk permohonan berkaitan perumahan dan pekerjaan (Aguilar, 2015). Pemenjaraan boleh merenggangkan hubungan kekeluargaan yang membawa kepada pengasingan atau kekurangan sokongan daripada ahli keluarga apabila dibebaskan kelak (Cohen, & Janicki-Deverts, 2012; Umberson & Montez, 2010). Individu mungkin mengalami pengasingan sosial (Tica & Roth, 2012) atau mempunyai rangkaian sokongan terhad kerana stigma yang dikaitkan dengan pemenjaraan atau memutuskan hubungan dengan bekas rakan sebaya yang terlibat dalam aktiviti jenayah. Akses yang tidak mencukupi kepada perkhidmatan sokongan kemasukan semula seperti perumahan peralihan, pengurusan kes dan bimbingan rakan sebaya boleh merencat keupayaan individu untuk mengharungi cabaran kehidupan selepas berakhirnya tempoh di penjara.

Pengalaman pemenjaraan, trauma dan stigma boleh memburukkan lagi keadaan kesihatan mental sedia ada atau membawa kepada perkembangan yang baharu. Isu penyalahgunaan dadah yang sering dikaitkan dengan cabaran kesihatan mental boleh menjejaskan keupayaan individu untuk mendapat akses kepada sistem perumahan yang adil dan stabil dan terlibat dalam perkhidmatan sokongan (Anderson & Collins, 2014; Bird et al., 2017; Winetrobe et al., 2017). Individu yang pernah dipenjarakan mungkin menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk mengulangi tabiat hidup sebagai gelandangan akibat daripada cabaran dalam akses perumahan dan pekerjaan yang stabil. Sekatan undang-undang seperti pengehadan perumahan atau peluang pekerjaan untuk individu yang mempunyai rekod jenayah melemahkan usaha integrasi semula dan meningkatkan risiko kehilangan tempat tinggal. Sikap stigmatisasi dan diskriminasi berdasarkan sejarah jenayah ternyata suatu ketidakadilan kepada bekas banduan terutamanya dalam aspek kepemilikan perumahan, pekerjaan dan penerimaan masyarakat, lalu memburukkan lagi risiko gelandangan (Cochran, 2013; Martinez & Abrams, 2013; Taylor, 2016). Dasar dan amalan dalam sistem perumahan, pekerjaan dan perkhidmatan sosial mungkin mengekalkan ketidaksetaraan sistemik dan mengehadkan peluang untuk individu yang pernah dipenjarakan, meningkatkan kerentanan kepada kehilangan tempat tinggal.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Penyelidik bermula dengan mentakrifkan populasi yang disasarkan iaitu individu yang pernah dipenjarakan, tiada tempat tinggal atau berisiko kehilangan tempat tinggal. Kaedah persampelan bola salji digunakan untuk memilih responden kerana kewujudan populasi yang eksklusif. Kaedah pengumpulan data kuantitatif selalunya melibatkan soal selidik atau temu bual berstruktur. Soalan-soalan yang diajukan termasuk demografi, sejarah tempat tinggal, status pekerjaan, pendapatan, kesihatan mental, rangkaian sokongan sosial dan pengalaman stigma dan diskriminasi. Analisis data kuantitatif melibatkan teknik statistik untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah disamping menguji hipotesis. Statistik deskriptif yang melibatkan analisis purata, kekerapan dan peratusan memberikan gambaran keseluruhan ciri-ciri sampel dan kelaziman faktor risiko kehilangan tempat tinggal.

3.2 Lokasi Kajian

Jalan Chow Kit diketahui mempunyai populasi individu gelandangan yang ramai menjadikannya lokasi yang ideal untuk mengkaji faktor risiko gelandangan. Reputasi kawasan itu sebagai hab komuniti gelandangan memberi para penyelidik peluang yang luas dan akses untuk melibatkan diri dengan golongan rentan. Sebagai kawasan bandar yang sibuk, Jalan Chow Kit menyajikan mikrokosmos fenomena gelandangan bandar yang lebih luas. Mengkaji faktor risiko gelandangan dalam konteks bandar membolehkan penyelidik meneroka cabaran unik yang dihadapi oleh individu gelandangan dalam persekitaran penduduk yang padat, mencerminkan akses terhad kepada rumah mampu milik, peluang pekerjaan dan perkhidmatan sosial. Jalan Chow Kit menarik minat penduduk yang pelbagai, termasuk individu daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, etnik dan kumpulan demografi. Kepelbagaian ini membolehkan penyelidik merakam pelbagai pengalaman dan perspektif yang berkaitan dengan gelandangan, memperkaya penemuan kajian dan memastikan kebolegunaan dapatan yang lebih berkesan.

3.3 Populasi, Sampel dan Teknik Persampelan

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada semua individu yang pernah dipenjarakan dan kehilangan tempat tinggal atau berisiko kehilangan tempat tinggal. Populasi merangkumi individu yang telah dibebaskan daripada penjara dan mengalami ketidakstabilan perumahan seperti tinggal di jalanan, di tempat perlindungan atau di tempat tinggal sementara. Memandangkan ianya tidak praktikal atau mustahil untuk mengkaji setiap unit dalam populasi, kajian ini menggunakan teknik persampelan untuk memilih sampel yang mewakili populasi dan memberikan dapatan bertepatan dengan keadaan sebenar.

Berdasarkan maklumat daripada Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab, Kuala Lumpur, populasi gelandangan di kawasan ini dianggarkan sekitar 200 orang. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar populasi kajian adalah tidak tetap kerana dipengaruhi oleh pergerakan dan mobiliti gelandangan bekas banduan di kawasan tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 142 orang telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan teknik persampelan bola salji. Kajian ini menggunakan Teknik Persampelan Bola Salji, kerana ia selari dengan pandangan Tongco (2007) yang mengatakan bahawa teknik ini sesuai apabila wujudnya kriteria yang ditetapkan dalam memilih sampel. Malahan, Allen (2017) dan Naderifar et al., (2017) juga mengakui kebolegunaan pensampelan bola salji dalam penyelidikan kuantitatif. Pendekatan ini amat sesuai untuk penyelidikan ini, memandangkan sampel terdiri daripada gelandangan bekas banduan yang dipilih berdasarkan ciri kriteria yang telah ditetapkan. Maka penggunaan Teknik persampelan bola salji adalah bersesuaian dijalankan dengan mendapatkan sokongan daripada Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab iaitu sebuah pertubuhan bukan Kerajaan dalam mengenalpasti dan mendapatkan gelandangan bekas banduan sebagai responden yang diperlukan. Klien gelandangan yang mempunyai rekod pemenjaraan layak terlibat dalam kajian secara menyeluruh. Kriteria-kriteria inklusif yang dikenalpasti bagi tujuan persampelan adalah seperti berikut:

1. Hidup sebagai gelandangan tanpa mempunyai rumah atau bilik sewa yang stabil
2. Telah hidup bergelandangan melebihi setahun
3. Hidup berpindah-randah atau menumpang di pelbagai lokasi
4. Berumur 21 tahun dan ke atas
5. Warganegara Malaysia
6. Mempunyai rekod pemenjaraan
7. Tidak mempunyai penyakit mental yang telah didiagnosis atau direkodkan oleh mana-mana institusi. Hal ini bagi memastikan isu etika terjamin.

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab telah membantu memperkenalkan klien mereka yang sering hadir ke tempat operasi dalam mendapatkan bantuan seperti makanan. Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur ini merupakan sebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang terletak di sekitar Jalan Chow Kit. Mereka telah membantu dalam menyediakan pelbagai bentuk bantuan seperti makanan, pakaian, tempat beribadah, mandi dan berehat. Pengkaji mengenalpasti beberapa orang responden yang telah hadir ke tempat operasi. Pengkaji telah memaklumkan tentang tujuan kajian kepada para gelandangan yang hadir dalam mendapatkan bantuan. Ramai daripada mereka yang bersetuju untuk mengikuti kajian lapangan. Sebaik selesai proses mengisi borang soal selidik, pengkaji telah meminta mereka untuk menjemput rakan-rakan yang lain untuk turut mengisi serta menyebarkan tentang kajian lapangan yang sedang dijalankan. Namun, pengkaji turut memaklumkan bahawa tiada paksaan dikenakan kepada para rakan-rakan mereka untuk mengikuti kajian lapangan. Mereka adalah bebas untuk memilih sama ada untuk datang ke tempat operasi sekiranya berminat atau mempunyai masa terluang. Kajian lapangan ini telah diadakan dalam tempoh seminggu. Berdasarkan perkongsian responden yang telah mengisi borang soal selidik ini telah membawa kepada pengenalan lebih ramai responden yang turut hadir pada hari berikut. Pemilihan lebih ramai responden untuk hadir bersama disebabkan oleh berminat untuk pandangan mereka direkodkan. Kebanyakan mereka yang telah beberapa kali mengikuti proses kaji selidik menyebabkan mereka faham tentang tujuan ini adalah untuk akademik semata-mata. Teknik persampelan bola salji ternyata berhasil apabila membawa kepada 142 orang responden.

3.4 Instrumen Kajian: Borang Soal Selidik Berstruktur

Soal selidik boleh merangkumi pelbagai faktor risiko kehilangan tempat tinggal termasuk faktor kesejahteraan material (contoh, ketidakstabilan perumahan, status pekerjaan, pendapatan), rangkaian sokongan sosial, kesihatan mental, penggunaan bahan, penglibatan keadilan jenayah dan pengalaman stigma dan diskriminasi. Dengan menggabungkan pelbagai dimensi faktor risiko, kaji selidik ini membolehkan para pengkaji memperoleh pemahaman yang menyeluruh tentang cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan yang tiada tempat tinggal dan hubungan antara mereka. Tinjauan soal selidik menawarkan kaedah pengumpulan data yang efektif kos dan cekap membolehkan pengkaji mendapatkan maklum balas bilangan peserta yang tinggi dalam tempoh yang agak singkat. Dalam kajian ini, borang soal selidik berstruktur digunakan bagi pengumpulan data kajian yang berkaitan

dengan profil demografi sosial golongan gelandangan bekas banduan, dimensi kesejahteraan hidup (material dan subjektif) golongan gelandangan bekas banduan dan risiko pengulangan jenayah. Borang soal selidik berstruktur dibangun berpandukan kepada tiga instrumen berpiawai (*standardized instrument*) seperti berikut:

- i. Soal selidik sosiodemografi diguna untuk menggambarkan responden melalui satu set pembolehubah deskriptif: sifat demografi mereka (contohnya jantina, umur dan status perkahwinan) dan tahap pendidikan, pengalaman jenayah lepas (jumlah pemenjaraan, jenis kesalahan, umur pada tahap memasuki penjara) dan pengalaman hidup di jalanan (tempoh masa menjadi gelandangan, jenis tempat tinggal dan kawasan tempat tinggal).
- ii. Soal selidik mengukur kesejahteraan hidup (material dan subjektif): Kajian ini menggunakan sorotan kajian lepas dalam membina soal selidik dan mendapatkan kesahan pakar.
- iii. Soal selidik mengukur risiko gelandangan: Kajian ini membina soal selidik berdasarkan kajian lepas yang ada sama ada dalam dan luar negara.

Borang soal selidik ini menggunakan skala Likert dengan empat pilihan jawapan, iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Setuju dan Sangat Setuju, tanpa menyertakan pilihan neutral atau "Tidak Pasti." Pendekatan ini bertujuan untuk mengelakkan kecenderungan responden memilih pilihan jawapan neutral, yang sering dianggap sebagai "jalan selamat" apabila mereka enggan membuat pendirian terhadap sesuatu kenyataan. Kehadiran pilihan neutral atau tidak pasti sering kali membawa kepada masalah interpretasi, di mana penyelidik tidak dapat memastikan sama ada responden sebenarnya lebih cenderung untuk bersetuju atau tidak bersetuju. Ketidakpastian ini boleh menjejaskan kualiti dan ketepatan data yang dikumpulkan, kerana ia tidak memberikan maklumat yang jelas tentang sikap atau persepsi responden.

Dengan tidak menyediakan pilihan neutral, responden didorong untuk membuat keputusan yang lebih tegas berdasarkan pendirian mereka terhadap sesuatu kenyataan. Pendekatan ini juga membantu penyelidik mendapatkan data yang lebih bermakna dan jelas, kerana setiap jawapan secara langsung menunjukkan sama ada responden bersetuju atau tidak bersetuju. Walaupun pendekatan ini mungkin memaksa responden untuk membuat pilihan walaupun mereka tidak pasti, ia sebenarnya dapat meminimumkan isu data yang kabur atau tidak jelas. Oleh itu, penggunaan skala empat pilihan ini dilihat lebih efektif dalam memastikan respons yang lebih konkrit dan berkualiti untuk tujuan analisis.

3.4 Teknik Pengumpulan Data

Tumpuan utama pengumpulan data kajian adalah di sekitar kawasan rehat atau transit harian golongan gelandangan Jalan Chow Kit seperti rumah transit bagi Persatuan Kebajikan Ar-Riqab dan kawasan sekitar. Oleh kerana golongan sasaran adalah terdiri daripada mereka yang memiliki latar belakang pendidikan yang berbeza, pendekatan yang digunakan adalah dengan memberikan bimbingan sewaktu berjalan. Borang soal selidik berstruktur yang diedarkan akan dibaca dan diisi sendiri oleh responden kajian yang mahir membaca dan menulis. Bagi responden yang mempunyai masalah membaca, para pengkaji akan membacakannya dan membantu mengisikan borang tersebut bersama-sama dengan pihak responden.

3.5 Etika Kajian

Terlihat amat penting untuk kajian ini memastikan perlindungan fizikal dan emosi setiap responden yang terlibat dengan memberi jaminan bahawa mereka tidak berada dalam keadaan berisiko sebagai sebahagian daripada hasil kajian atau disebabkan melibatkan diri dalam kajian. Selain itu, pelaksanaan kajian memberi jaminan bahawa semua pengumpulan data untuk analisis dan dapatan adalah dilindungi sepenuhnya tanpa sebarang kebocoran kepada pihak ketiga. Pematuhan etika ketika menjalankan kajian dilihat amat penting diperoleh terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Etika Universiti Utara Malaysia memandangkan ianya melibatkan topik yang sensitif dan boleh menimbulkan stigma, berpotensi

menimbulkan kecederaan emosi, rasa malu dan tekanan dalam diri responden. Hal ini penting sebagai maklumat awal kepada responden selain memberi keyakinan mengenai penyelidikan yang dijalankan supaya mereka tidak khuatir dengan implikasi penyertaan. Tambahan pula, semua responden mempunyai sejarah jenayah lampau menjadikan privasi dan kerahsiaan sangat penting untuk dilindungi sewajarnya. Sebelum mendapat persetujuan bertulis, kajian akan memastikan responden memahami prosedur kutipan data. Sebarang pertanyaan atau penjelasan perlu dijawab sebaik mungkin, jujur dan tidak mengandungi maklumat yang direka semata-mata. Semua data yang diperoleh dalam bentuk apapun adalah sulit sepenuhnya tanpa sebarang justifikasi yang membolehkan ianya melalui pendedahan secara umum sama ada melalui lisan mahupun secara bertulis. Persetujuan responden dalam penyertaan kajian membenarkan data digunakan secara eksklusif sepanjang proses berlangsung dan semua dapatan akan hanya digunakan secara agregat tanpa pengenalpastian individu secara spesifik.

3.6 Teknik Analisis

Data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan '*Statistical Package for Social Science version 23.0 (SPSS)*'. Semua item yang disenaraikan dalam soal selidik merupakan sumber penting proses analisis data. Pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif dan analisis inferensi untuk menerangkan data yang diperolehi. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan material, tahap kesejahteraan subjektif dan tahap risiko gelandangan. Analisis inferensi dalam kajian ini pula memberikan tumpuan kepada analisis korelasi Pearson untuk melihat hubungan antara kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif dan risiko gelandangan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Latar Belakang Demografi

Pengkaji telah membahagikan perbincangan latar belakang demografi ini kepada tiga bahagian. Perincian latar belakang demografi melibatkan latar belakang sosial demografi, diikuti dengan latar belakang penyakit yang dihadapi dan diakhiri dengan maklumat tentang tahap kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif dan risiko gelandangan.

4.1.1 Latar Belakang Sosial Demografi

Analisis deskriptif membincangkan kepelbagaian taburan data responden berdasarkan umur, jantina, bangsa, pendidikan, pekerjaan dan gaji. Kajian ini melibatkan seramai 142 orang responden. Aspek pertama iaitu umur menunjukkan majoriti seramai 66 orang atau 44.9 peratus responden dalam lingkungan 41-50 tahun. Ini bermakna kajian ini cenderung melibatkan responden yang agak berusia manakala liputannya kurang melibatkan golongan muda yang berumur 21-30 tahun. Sebanyak 124 responden dalam kajian ini adalah dari golongan lelaki (87.3%) dan selebihnya adalah golongan perempuan iaitu 17 orang (12.7%). Majoriti bangsa dalam analisis ialah Melayu (87.4%) diikuti oleh India (6.3%) dan Cina (2.1%). Dalam aspek pendidikan pula, sebanyak 113 orang atau 79.6 peratus daripada responden hanya menyelesaikan pendidikan menengah berbanding 3 orang (2.1%) dengan rekod pendidikan yang lebih tinggi. Daripada jumlah keseluruhan responden, majoriti mereka yang tidak bekerja ialah 108 orang (76.1%) diikuti dengan aktiviti menjalankan perniagaan sendiri atau bekerja sendiri 18 orang (12.7%). Akhir sekali, seramai 102 orang responden atau 71.8 peratus tidak mempunyai pendapatan dan hanya 8.5 peratus dan 7 peratus yang memiliki pendapatan tetap di antara RM501-RM1,000 dan RM1-RM500 masing-masing. Secara keseluruhannya, kajian lebih tertumpu kepada responden yang berada pada umur pertengahan, golongan lelaki, berbangsa melayu, mempunyai pendidikan menengah, tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan. Ringkasan latar belakang sosial demografi dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar belakang sosial demografi

Aspek	Nilai	Kekerapan	Peratus (%)
Umur (tahun)	21-30	6	4.1
	31-40	31	21.1
	41-50	66	44.9
	51-60	27	18.4
	60 ke atas	17	11.6
Jantina	Lelaki	124	87.3
	Perempuan	17	12.7
Bangsa	Melayu Cina India	124	87.4
	Lain – Lain	6	4.2
		9	6.3
Pendidikan		3	2.1
	Tiada Pendidikan Sekolah Rendah	9	6.3
	Sekolah Menengah Universiti/Kolej	17	12.0
		113	79.6
		3	2.1
Pekerjaan	Tidak Bekerja	108	76.1
	Berniaga /bekerja sendiri	18	12.7
	Pekerja Kerajaan Pekerja Swasta	1	0.7
		15	10.6
Gaji (RM)	Tiada Pendapatan 1-500	102	71.8
	501-1,000	10	7.0
	1,001-1,500	12	8.5
	1,501-2,000	11	7.7
	2,001 ke atas	6	4.2
		1	0.7

4.1.2 Latar Belakang Kesihatan

Latar belakang kesihatan responden dijelaskan secara terperinci melalui penyakit yang dihadapi dan antara sebab tidak menerima rawatan susulan dalam Jadual 2 dan 3.

Jadual 2: Latar belakang kesihatan

Penyakit Kronik	Kekerapan	Peratusan
Tidak berpenyakit	70	44.3
Tuberculosis	3	1.8
Hepatitis	26	16.5
Pneumonia	1	0.6
HIV	10	6.3
Kanser	4	2.5
Lain – lain:	10	6.3
Asthma	13	8.2
Darah Tinggi	7	4.4
Diabetes	4	2.5
Sakit Jantung	10	6.3
Lain - lain		
Jumlah	158	100

Jadual 3: Latar belakang kesihatan

Faktor Tidak Mendapatkan Rawatan Susulan	Kekerapan	Peratusan
Faktor Kewangan	14	51.9
Tiada Kenderaan	0	0
Lokasi hospital yang jauh	1	3.7
Layanan buruk pekerja hospital	1	3.7
Masalah kesihatan tidak mengganggu hidup	3	11.1
Pasrah dengan penyakit	4	14.8
Lain -Lain	4	14.8
Jumlah	27	100

Dari aspek kesihatan, sebanyak 44.3% responden bebas daripada sebarang penyakit kronik. Walau bagaimanapun, mereka yang berpenyakit kronik terdiri daripada 16.5% responden yang menghidap hepatitis, darah tinggi (8.2%), asthma dan HIV (6.3%) dan diabetes (4.4%). Sebanyak 27 (37.5%) responden tidak mendapatkan rawatan susulan penyakit yang dihadapi disebabkan faktor-faktor penghalang yang bersifat peribadi dan masih boleh diuruskan seperti kewangan (51.9%) dan telah reda menerima ketentuan dan ujian kesakitan (14.8%).

4.1.3 Tahap Kesejahteraan Hidup Material, Subjektif dan Risiko Gelandangan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai minimum untuk tahap kesejahteraan material adalah 2.37, tahap kesejahteraan subjektif adalah 2.58 dan tahap risiko gelandangan adalah 2.56. Keadaan ini menunjukkan bahawa nilai purata skor minimum untuk kesejahteraan material adalah paling rendah berbanding dimensi-dimensi lain. Kesejahteraan hidup responden dilihat terjejas selari dengan pernyataan bahawa mereka tidak mempunyai pekerjaan. Ia lebih meyakinkan apabila rata-rata responden tidak mempunyai masalah mengambil makanan hanya sehari sekali. Berdasarkan dimensi kesejahteraan subjektif, nilai purata skor minimum adalah 2.58 dengan kebanyakan mereka bersetuju tahap kesejahteraan hidup adalah sederhana. Nilai item yang berkaitan dengan amalan kerohanian merekodkan skor paling tinggi iaitu 2.99. Dapatan ini mencadangkan bahawa amalan kerohanian menyumbang kepada definisi kesejahteraan hidup subjektif responden khususnya apabila kesedaran mula timbul mengenai pentingnya mendekatkan diri dengan Tuhan dan kehidupan abadi di akhirat. Walaubagaimanapun, tekanan hidup tidak menjadi cabaran besar responden dengan rekod skor minimum yang paling rendah. Seperti yang dijangkakan, nilai minimum untuk risiko gelandangan ialah 2.56 dianggap agak tinggi. Nilai minimum skor dalam dimensi ini disumbangkan oleh ketiadaan pekerjaan yang menyebabkan kurang kemampuan menyewa rumah. Jadual 4 menunjukkan skor bagi setiap dimensi yang telah dibincangkan.

Jadual 4: Purata skor tahap kesejahteraan hidup material, subjektif dan risiko gelandangan

Dimensi	Item	Skor	Skor Purata
Kesejahteraan hidup material	Suka simpan wang	2.66	2.37
	Mempunyai pekerjaan	1.85	
	Tiada masalah dapatkan pekerjaan	2.11	
	Bekerja lebih tiga bulan	2.21	
	Mempunyai kenderaan	2.18	
	Mempunyai kediaman yang selesa	1.94	
	Mempunyai kelengkapan yang baik	1.96	
	Mempunyai pakaian yang cukup	2.46	
	Mempunyai pakaian yang bersih	2.80	
	Mendapat makanan yang cukup	2.78	

continued

	Tiada masalah makan sehari sekali	2.84	
	Mempunyai telefon pintar	2.75	
Kesejahteraan hidup subjektif	Gembira dengan kehidupan sekarang	2.40	2.58
	Puas hati dengan kesihatan	2.79	
	Puas hati dengan pencapaian sekarang	2.28	
	Mempunyai kawan rapat	2.66	
	Puas hati dengan hubungan keluarga	2.54	
	Gembira dengan komuniti	2.79	
	Puas hati tahap keselamatan	2.50	
	Puas hati dengan kualiti hidup	2.46	
	Puas hati dengan amalan kerohanian	2.99	
	Tidak rasa tertekan	2.47	
	Tidak bimbang dengan masa depan	2.35	
	Merasakan hidup yang berguna	2.75	
Risiko Gelandangan	Tidak pulang ke rumah kerana tidak diterima	2.07	2.56
	Tiada tempat ditujui	2.54	
	Tiada bantuan dari penjara	2.94	
	Kawan ajak hidup gelandangan	2.19	
	Tiada pilihan selain jadi gelandangan	2.42	
	Rasa bebas untuk hidup gelandangan	2.38	
	Tiada wang untuk sewa	2.93	
	Gagal dapat bantuan kebajikan	2.88	
	Tiada pekerjaan menyebabkan tidak mampu sewa	2.95	
	Diskriminasi masyarakat	2.63	
	Jadi gelandangan disebabkan ketagihan dadah	2.30	
	Ketagihan arak dan dadah sukar untuk uruskan diri	2.56	

4.2 Hubungan Antara Kesejahteraan Hidup Material, Kesejahteraan Hidup Subjektif dan Risiko Gelandangan

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif dan risiko gelandangan dalam kalangan bekas banduan dengan menggunakan ujian korelasi Pearson. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Data dalam kajian ini merangkumi 12 item bagi setiap pemboleh ubah: kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif dan risiko gelandangan. Analisis ini memberikan gambaran tentang bagaimana setiap aspek kesejahteraan berkait dengan risiko gelandangan, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Oleh itu, terdapat dua hipotesis yang terlibat iaitu:

H₁: Terdapat hubungan antara kesejahteraan material dengan risiko gelandangan

H₂: Terdapat hubungan antara kesejahteraan subjektif dengan risiko gelandangan

Hasil analisis korelasi Pearson dalam kajian ini dipaparkan dalam bentuk matriks korelasi, yang memberikan gambaran jelas tentang kekuatan dan signifikan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Matriks korelasi ini memaparkan dua elemen utama, iaitu nilai korelasi Pearson (r) dan nilai signifikan (p -value), yang menjadi asas dalam menilai hubungan antara kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif, dan risiko gelandangan. Nilai korelasi Pearson (r) memainkan peranan penting dalam menentukan kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah. Korelasi positif (r positif) menunjukkan bahawa apabila nilai satu pemboleh ubah meningkat, nilai pemboleh ubah lain turut meningkat. Sebagai contoh, hubungan positif antara kesejahteraan material dan kesejahteraan subjektif menunjukkan bahawa peningkatan dalam tahap kesejahteraan material individu akan meningkatkan

kesejahteraan subjektif mereka. Sebaliknya, korelasi negatif (r negatif) menunjukkan hubungan songsang, di mana peningkatan dalam satu pemboleh ubah disertai dengan penurunan dalam pemboleh ubah lain.

Korelasi dengan nilai antara 0.00 hingga 0.19 dianggap sangat lemah, menunjukkan hampir tiada hubungan antara pemboleh ubah. Nilai antara 0.20 hingga 0.39 dianggap lemah, sementara nilai antara 0.40 hingga 0.59 menunjukkan hubungan yang sederhana. Korelasi dengan nilai antara 0.60 hingga 0.79 adalah kuat, manakala nilai antara 0.80 hingga 1.00 menunjukkan hubungan yang sangat kuat. Penafsiran kekuatan hubungan ini penting untuk memahami sejauh mana pemboleh ubah saling berkait dalam konteks kajian ini.

Selain nilai korelasi, nilai signifikan (p -value) menentukan sama ada hubungan yang dikenal pasti adalah signifikan secara statistik. Jika nilai p kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$), hubungan tersebut dianggap signifikan. Ini bermakna terdapat bukti yang mencukupi untuk menyokong kewujudan hubungan antara dua pemboleh ubah yang dikaji. Sebaliknya, jika nilai p adalah lebih besar atau sama dengan 0.05, hubungan tersebut tidak signifikan dan mungkin disebabkan oleh faktor rawak.

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi mengkaji hubungan di antara kesejahteraan hidup material, kesejahteraan hidup subjektif dan risiko gelandangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan dan lemah di antara tahap kesejahteraan hidup material dan risiko gelandangan $r(140) = -0.291$, $p < 0.05$. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesejahteraan hidup material yang tinggi akan menyebabkan risiko gelandangan yang rendah. Oleh itu, meningkatkan tahap kesejahteraan hidup material dalam kalangan gelandangan ini akan dapat membantu dalam mengurangkan risiko gelandangan. Hipotesis kajian H_1 yang dibina adalah diterima. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan negatif yang signifikan dan sangat lemah di antara tahap kesejahteraan hidup subjektif dan risiko gelandangan $r(140) = -0.177$, $p < 0.05$. Tafsiran yang sama memberi gambaran bahawa kesejahteraan hidup subjektif yang tinggi akan membantu mengurangkan risiko gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Justeru, hipotesis H_2 yang dibina juga gagal ditolak. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan gambaran tentang hubungan yang signifikan di antara kesejahteraan hidup material dan kesejahteraan hidup subjektif dengan risiko gelandangan. Penekanan kepada meningkatkan tahap kesejahteraan hidup secara keseluruhan dengan penumpuan kepada elemen material dan subjektif akan dapat membantu dalam mengurangkan risiko gelandangan bagi populasi kajian.

Jadual 5: Ujian Kolerasi Pearson bagi hubungan kesejahteraan hidup material, kesejahteraan hidup subjektif dengan risiko gelandangan.

Pembolehubah	Kesejahteraan hidup material	Kesejahteraan hidup subjektif	Risiko gelandangan
Kesejahteraan hidup material	1	0.478** 0.000	-0.291** 0.000
Kesejahteraan hidup subjektif	0.478** 0.000	1	-0.177* 0.018
Risiko gelandangan	-0.291** 0.000	-0.177* 0.018	1

* $P < 0.05$

5.0 ANALISIS KAJIAN

Kajian ini mendedahkan hubungan yang signifikan antara kesejahteraan hidup material, kesejahteraan hidup subjektif dan risiko gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Dapatan menunjukkan nilai minimum skor purata bagi kesejahteraan material adalah 2.37, kesejahteraan subjektif 2.58, dan risiko gelandangan 2.56. Nilai purata terendah bagi kesejahteraan material mencerminkan kesan langsung ketiadaan pekerjaan dan ketidakmampuan untuk menyediakan keperluan asas seperti makanan dan perumahan. Keadaan ini konsisten dengan dapatan kajian Andre et al. (2019) yang menyatakan bahawa akses kepada perumahan stabil adalah faktor utama dalam mengurangkan risiko gelandangan.

Kesejahteraan subjektif yang mencatat nilai purata skor minimum sebanyak 2.58 menggambarkan tahap kepuasan hidup yang sederhana dalam kalangan responden. Walaupun mereka menghadapi tekanan hidup, amalan kerohanian dengan nilai item tertinggi 2.99 menunjukkan bahawa aspek keagamaan memberi impak positif kepada kesejahteraan subjektif. Kesedaran terhadap nilai spiritual ini sering menjadi sokongan emosi penting, seperti yang dicadangkan oleh Popova & Pishniak (2017), yang mengaitkan kepuasan hidup dengan kebahagiaan dan kesihatan psikologi.

Sebaliknya, risiko gelandangan dengan nilai minimum purata 2.56 dianggap agak tinggi. Kekurangan pekerjaan yang menyebabkan ketidakmampuan menyewa rumah menjadi faktor penyumbang utama. Hubungan negatif yang signifikan antara kesejahteraan hidup material dan risiko gelandangan ($r(140) = -0.291, p < 0.05$) menegaskan bahawa peningkatan kesejahteraan material dapat mengurangkan risiko gelandangan. Dapatan kajian menyokong hipotesis bahawa tahap kesejahteraan hidup material yang tinggi berkorelasi dengan risiko gelandangan yang lebih rendah. Hubungan negatif yang signifikan juga direkodkan antara kesejahteraan hidup subjektif dan risiko gelandangan ($r = -0.177, p < 0.05$). Ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam aspek subjektif kesejahteraan hidup, seperti kepuasan hidup dan kesihatan psikologi, mampu mengurangkan risiko gelandangan. H2 juga gagal ditolak dan dapatan ini selari dengan kajian Baxter et al. (2019) yang menegaskan bahawa kesejahteraan subjektif merupakan penentu utama kestabilan kehidupan individu.

Kajian ini menyoroti bahawa risiko gelandangan tidak hanya dipengaruhi oleh faktor individu seperti kesejahteraan material dan subjektif, tetapi juga oleh pengaruh sistemik yang lebih luas. Peristiwa kehidupan yang tidak dijangka, seperti kehilangan pekerjaan, kecemasan kesihatan dan masalah hubungan, mempercepatkan risiko kehilangan tempat tinggal walaupun individu memiliki kesejahteraan yang stabil sebelumnya. Perkara ini turut disokong oleh kajian Iqbal et al. (2020); Tsai & Rosenheck (2015), yang mendapati bahawa faktor sosiodemografi, penyakit mental dan penyalahgunaan dadah menjadi pendorong utama gelandangan dalam kalangan populasi rentan, termasuk veteran dan bekas banduan. Dapatan kajian ini juga mencadangkan kepentingan sistem sokongan sosial yang kukuh dalam mengurangkan risiko gelandangan. Individu yang mempunyai hubungan sosial yang baik dan sokongan komuniti berupaya mengatasi cabaran kewangan atau peribadi dengan lebih baik. Sebaliknya, mereka yang tiada jaringan sokongan berisiko lebih tinggi untuk menjadi gelandangan. Kajian Johnstone et al. (2016) menegaskan bahawa sokongan sosial yang mampan mampu meningkatkan kesejahteraan peribadi dan membantu individu mengekalkan kestabilan hidup.

Kesihatan juga memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kesejahteraan hidup gelandangan bekas banduan. Seperti yang didapati oleh Folsom et al. (2005); Schreiter et al. (2021), trauma dan stigma yang dialami semasa pemenjaraan meningkatkan risiko masalah mental, yang seterusnya menjejaskan keupayaan individu untuk mendapatkan pekerjaan atau mengekalkan perumahan tetap. Kesejahteraan material dan subjektif yang rendah mencetuskan kitaran gelandangan yang sukar diputuskan, terutama apabila digabungkan dengan isu kesihatan kronik dan mental. Dapatan kajian ini konsisten dengan kajian terdahulu yang menekankan keperluan untuk pendekatan holistik dalam menangani gelandangan. Intervensi yang berfokus kepada pembaharuan sistemik, sokongan sosial yang lebih kuat dan dasar untuk mengurangkan kesan peristiwa kehidupan yang tidak dijangka adalah penting untuk mengurangkan risiko gelandangan secara mampan. Selain itu, program sokongan kesihatan mental dan fizikal perlu digabungkan dengan usaha meningkatkan kesejahteraan material dan subjektif, seperti menyediakan latihan pekerjaan dan kemudahan perumahan yang mampu milik.

Kajian ini juga mencadangkan agar fokus kajian pada masa depan diberikan kepada faktor sistemik dan struktur yang mempengaruhi gelandangan, termasuk birokrasi, diskriminasi dan akses kepada perkhidmatan sosial. Pendekatan ini akan membolehkan pengkaji dan pembuat dasar merangka strategi yang lebih berkesan untuk menangani isu gelandangan dalam pelbagai konteks, termasuk dalam kalangan bekas banduan. Dengan demikian, kajian ini menegaskan bahawa kesejahteraan hidup material dan kesejahteraan hidup subjektif memainkan peranan penting dalam menentukan risiko gelandangan. Namun, ia juga menyeru kepada perhatian yang lebih luas terhadap faktor sistemik yang melibatkan dasar sosial, ekonomi dan kesihatan bagi memastikan penyelesaian yang mampan terhadap masalah gelandangan.

6.0 KESIMPULAN

Isu kompleks gelandangan mendedahkan bahawa tahap kesejahteraan hidup material dan kesejahteraan hidup subjektif adalah aspek penting penentu risiko tersebut. Peranan semua pihak dalam membantu meningkatkan tahap kesejahteraan material dan subjektif dalam kalangan bekas banduan akan membantu dalam mengurangkan risiko gelandangan. Kajian ini secara tidak langsung ini dapat membantu dalam memberikan tumpuan kepada elemen kesejahteraan hidup sebagai faktor sistemik yang lebih kritikal selain daripada meningkatkan keadaan ekonomi individu dan kebahagiaan peribadi semata-mata dalam menangani risiko gelandangan. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada penggubal dasar dan penyelidik untuk memberikan penumpuan semula terhadap usaha menangani masalah tersebut secara lebih menyeluruh. Hal ini kerana terdapat keperluan dalam membangunkan dasar perumahan yang meningkatkan bekalan rumah mampu milik khususnya kepada golongan rentan ini. Selain itu, keperluan bagi memastikan kestabilan ekonomi melalui dasar yang menjamin gaji sara hidup, jaminan pekerjaan dan akses kepada program pendidikan dan latihan pekerjaan sesuatu yang dijangkakan untuk golongan terdedah risiko gelandangan. Langkah-langkah ini boleh membantu individu bekas banduan mencapai dan mengekalkan tahap sara diri ekonomi seterusnya mengurangkan risiko gelandangan daripada hidup di jalanan.

7.0 PENGHARGAAN

Kajian ini telah menerima geran penajaan Universiti 2023 sebanyak RM 10,000 dari Research and Innovation Management Centre (RIMC), S/O Code: 21651, Universiti Utara Malaysia.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

8.0 RUJUKAN

- Aaltonen, M., Skardhamar, T., Nilsson, A., Andersen, L & Backman, O. (2017). Comparing employment trajectories before and after first imprisonment in four Nordic Countries. *The British Journal of Criminology*, 57(4), 828–847.
- Abracen, J., Langton, C., Looman, J., Gallo, A., Ferguson, M., Axford, M. & Dickey, R. 2013. Mental health diagnoses and recidivism in paroled offenders. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 58(7), 765–779.
- Aguilar, E. (2015). How having an ID card can make or break a homeless person's chances of recovery. <https://www.scpr.org/news/2015/06/03/52147/how-an-id-card-can-make-or-break-a-homeless-person/>
- Alowaimer, O. (2018). Causes, effects and issues of homeless people. *Journal of Socialomics*, 7(3), 1–4.
- André, S., Dewilde, C., & Muffels, R. (2019). Housing tenure, housing wealth and subjective wellbeing in Australia: The case of unemployment. In *Wealth (s) and subjective well-being* (pp. 281-304). Cham: Springer International Publishing.
- Anderson, J. T. & Collins, D. (2014). Prevalence and causes of urban homelessness among Indigenous peoples: A three-country scoping review. *Housing Studies*, 29(7), 959– 976.
- Barrenger, S.L., Draine, J., Angell, B. & Herman, D. (2017). Reincarceration risk among men with mental illness leaving prison: A risk environment analysis. *Community Mental Health Journal*, 53(8), 883–892.

- Baxter, A. J., Tweed, E. J., Katikireddi, S. V., & Thomson, H. (2019). Effects of Housing First approaches on health and well-being of adults who are homeless or at risk of homelessness: systematic review and meta-analysis of randomised controlled trials. *J Epidemiol Community Health*, 73(5), 379-387.
- Bender, K., Brown, S. M., Thompson, S. J., Ferguson, K. M. & Langenderfer, L. (2015). Multiple victimizations before and after leaving home associated with PTSD, depression, and substance use disorder among homeless youth. *Child Maltreatment*, 20(2), 115–124.
- Bird, M., Rhoades, H., Lahey, J., Cederbaum, J. & Wenzel, S. (2017). Life goals and gender differences among chronically homeless individuals entering permanent supportive housing. *Journal of Social Distress and the Homeless*, 26(1), 9–15.
- Bundela, R. (2018). Concept of homelessness: Complex issues and challenges. *International Journal of Advanced Educational Research*, 3(1), 267–270.
- Cochran, J.C. (2013). Breaches in the wall: Imprisonment, social support, and recidivism. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 51, 200–229.
- Cochran, J., Mears, D., Bales, W. & Stewart, E. (2012). Does inmate behavior affect post-release offending? Investigating the misconduct-recidivism relationship among youth and adults. *Justice Quarterly*, 31(6), 1044–1073.
- Cohen, S. & Janicki-Deverts, D. (2012). Who's stressed? Distributions of psychological stress in the United States in probability samples from 1983, 2006, and 2009. *Journal of Applied Social Psychology*, 42, 1320–1334.
- Currie, G., Richardson, T., Smyth, P., Vella-Brodrick, D., Hine, J., Lucas, K., Kinnear, R. & Stanley, J. (2009). Investigating links between transport disadvantage, social exclusion and well-being in Melbourne—preliminary results. *Transport Policy*, 16(3), 97–105.
- Dadashazar, N. (2017). Offender recidivism: A quantitative study of motivational risk factors and counseling. Tesis Dr. Fal, Pendidikan & Penyeliaan Kaunselor, Walden University
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). Intrinsic motivation and self determination in human behaviour. New York: Plenum.
- Diener, E. & Scollon, C. (2003, Mac 21). Subjective well being is desirable, but not the Summum Bonum. Workshop on Well Being. Minneapolis, USA. UMN. Retrieved from http://www.tc.umn.edu/~tiberius/workshop_papers/DIENER.pdf.
- Diener, E., Suh, E. M., & Oishi, S. (1997). Recent findings on subjective well-being. *Indian Journal of Clinical Psychology*, 24(1). Pscynet. Retrieved from <https://psycnet.apa.org/record/1997-43193-002>.
- Diener, E., Wirtz, D., Tov, W., Kim-Prieto, C., Choi, D., Oishi, S., & Biswas-Diener, R. (2009). New measures of well-being: Flourishing and positive and negative feelings. Flourishing-Scale, dt. Übersetzung von Esch, Tobias et al. *Social Indicators Research*, 39, 247-266.
- Dell, N.A., Huang, J., Morse, G. & Nishith, P. (2019). The relationship between PTSD factors and depression in a chronically homeless sample. *Journal of Social Distress and the Homeless* 1–7.
- Denver, M., Siwach, G & Bushway, S. (2017). A new look at the employment and recidivism relationship through the lens of a criminal background check. *Criminology*, 55(1), 174-204.
- Eden, E. (2018). How transportation assistance can fight homelessness. <https://www.planetizen.com/news/2018/09/100753-how-transportation-assistance-can-fight-homelessness>. [6 Desember 2024].
- Ekici, T., & Koydemir, S. (2016). In come expectations and happiness: evidence from British panel data. *Applied Research in Quality of Life*, 11, 539–552.
- Epperson, M.W., Wolff, N., Morgan, R.D., Fisher, W.H., Frueh, B.C. & Huening, J. (2014). Envisioning the next generation of behavioral health and criminal justice interventions. *International Journal of Law and Psychiatry*, 37(5), 427–438.
- Fletcher, J.B & Reback, C.J. (2017). Mental health disorders among homeless, substance-dependent men who have sex with men. *Drug and Alcohol Review*, 36(4), 555–559.
- Folk, J., Stuewig, J., Blasko, B., Claudy, M., Martinez, A., Maass, S., Taxman, F & Tangney, J. (2017). Do demographic factors moderate how well criminal thinking predicts recidivism? *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*. 1.
- Folsom, D., Hawthorne, W., Lindamer, L., Gilmer, T., Bailey, A., Golshan, S., Garcia, P., Unützer, J., Hough, R., & Jeste, D. (2005). Prevalence and risk factors for homelessness an dutilization of mental health services among 10,340 patients with serious mental illness in a large public mental health system. *The American journal of psychiatry*, 162(2), 370-376. <https://doi.org/10.1176/APPI.AJP.162.2.370>.
- Henwood, B. F., Wenzel, S. L., Mangano, P. F., Hombs, M., Padgett, D. K., Byrne, T., Rice, E., Butts, S. C. & Uretsky, M. C. (2015). The grand challenge of ending homelessness. Working Paper No. 9. American Academy of Social Work & Social Welfare.
- Hui, V. & Khandker, N. H. (2016). Transportation related social exclusions and homelessness: What does the role of transportation play in improving the circumstances of homeless Individuals?. Persidangan 95th Annual

- Meeting of TRB. Anjuran Transportation Research Board (TRB). Walter E. Washington Convention Center, Washington DC, 10–14 Januari.
- Idris, M. A. H. & Ramli, M. A. (2017). Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahurin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. Isu-Isu Kotemperorari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam. Shah Alam: Akademik Pengajian Islam Kotemporari.
- Iqbal, M., Duffy, C., Murphy, S., & Weatherhead, S. (2020). Health-related quality of life in the homeless population. *Clinical Psychology Forum*. <https://doi.org/10.53841/bpscpf.2020.1.330.27>.
- James, N. (2015). Offender reentry: Correctional statistics, reintegration into the community, and recidivism. <https://fas.org/sgp/crs/misc/RL34287.pdf>
- Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z., Shahid, K.M., Omar, N. & Azman, Z. (2018). Kekurangan akses kepada jagaan lanjutan dan faktor-faktor risiko yang membawa kepada relaps dadah dalam kalangan bekas banduan. *Jurnal Perspektif*, 10(2), 34–44.
- Johnson, G. & Moschion, J. (2019). Ex-prisoners are more likely to become homeless but the reverse isn't true <https://phys.org/news/2019-04-ex-prisoners-homeless-reverse-isnt-true.html>
- Johnstone, M., Parsell, C., Jetten, J., Dingle, G., & Walter, Z. (2016). Breaking the cycle of homelessness: Housing stability and social support as predictors of long-term well-being. *Housing Studies*, 31, 410 - 426. <https://doi.org/10.1080/02673037.2015.1092504>.
- Kissoon, P. (2020). Homelessness. *International Encyclopedia of Human Geography*, 7, 59–68.
- Kriegel, L.S. (2019). Stranger support: How former prisoners with mental illnesses navigate the public landscape of reentry. *Health & Place*, 56, 155–164.
- Li, H., Raeside, R., Chen, T. & McQuaid, R.W. (2012). Population ageing, gender and the transportation system. *Research in Transportation Economics*, 34(1), 39–47.
- Liem, M. (2017). Criminal recidivism. explanation, prediction and prevention. by Georgia Zara and David P. Farrington. *The British Journal of Criminology*, 57(2), 504–506.
- Loeffler, C. (2013). Does imprisonment alter the life course? Evidence on crime and employment from a natural experiment. *Criminology*, 51(1), 137–166.
- Maddux, J. E. (2018). Subjective well-being and life satisfaction: An introduction to conceptions, theories, and measures. In J. E. Maddux (Ed.), *Frontiers of social psychology. Subjective well-being and life satisfaction* (p. 3–31). Routledge/Taylor & Francis Group.
- Martinez, D.J. & Abrams, L.S. (2013). Informal social support among returning young offenders: A metasynthesis of the literature. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 57(2), 169–190.
- Mattingly, S.P., Fields, N., Cronley, C., Miller, V.J., Murphy, E., Crawford, M., Gwak, L. & Nargesi, R. (2018). *Transportation Mobility among Low-Income, Transportation Disadvantaged Older Adults Living in A Low Density Urban Environment Using Innovative Data Collection Methods*. Western Michigan University. Transportation Research Center for Livable Communities.
- Mustafar, F.W., Yusof, F., Mustaffa, F. & Mokhtar, M.Y.O. (2018). Profil gelandangan: Satu kajian literatur https://www.researchgate.net/publication/329772284_PROFIL_GELANDANGAN_SATU_KAJIAN
- Mustafa, M. A. M. (2018). Hubungan Antara Kesejahteraan Subjektif Dengan Kesehatan Mental Di Kalangan Penjawat Awam Yang Akan Bersara. *Human Sustainability Procedia*
- O'Donoghue, J. (2018). People released from prison are 10 times more likely to be homeless. https://www.nola.com/news/politics/article_513e3074-5cde-5ec7-88a9-7c14a04f82dd.html
- Pavelková, J. & Zachová, D. L. (2019). The integration of persons released from prison into the labour market in the Czech Republic. *Postmodern Openings*, 10(1), 236–271.
- Popova, D., & Pishniak, A. (2017). Measuring individual material well-being using multidimensional indices: an application using the Gender and Generation Survey for Russia. *Social indicators research*, 130, 883–910.
- Roze, M., Vandentorren, S. & Melchior, M. (2018). Factors associated with depression among homeless mothers. Results of the ENFAMS survey. *Journal of Affective Disorders*, 229, 314–321.
- Sanei, M & Mir-Khalili S. (2015). Factors affecting recidivism and return to prison male prisoners in the prisons of the West of Guilan and strategies for prevention. *Journal of Scientific Research and Development*, 2(2), 156–161.
- Schreiter, S., Speerforck, S., Schomerus, G., & Gutwinski, S. (2021). Homelessness: care for the most vulnerable – a narrative review of risk factors, health needs, stigma, and intervention strategies. *Current Opinion in Psychiatry*, 34, 400 - 404. <https://doi.org/10.1097/YCO.0000000000000715>.
- Shay, E., Combs, T. S., Findley, D., Kolosna, C., Madeley, M. & Salvesen, D. (2016). Identifying transportation disadvantage: Mixed-methods analysis combining GIS mapping with qualitative data. *Transport Policy*, 48, 129–138.
- Sirgy, M. J. (2018). The psychology of material well-being. *Applied Research in Quality of Life*, 13(2), 273–301.

- Skeem, J., & Lowenkamp, C. 2016. Risk, race, and recidivism: Predictive bias and disparate impact. *Criminology*, 54(4), 680-712.
- Taylor, C.J. 2016. The family's role in the reintegration of formerly incarcerated individuals: The direct effects of emotional support. *The Prison Journal*, 96(3), 331-354.
- Thomson, D., (1993). *Living Decently: Material Well-being in Australia*. Oxford University Press, Melbourne. P.246.
- Tica, G. & Roth, M. (2012). Are former male inmates excluded from social life? *European Journal of Probation*, 4(2), 62-76.
- Tov, W., & Diener, E. (2007). Culture and subjective well-being. In Kitayama, S. & Cohen, D. (Eds.) *Handbook of cultural Psychology* (pp. 691-713). New York: Guilford.
- Tsai, J., Mares, A. S. & Rosenheck, R. A. (2012). Does housing chronically homeless adults lead to social integration? *Psychiatric Services*, 63, 427-434.
- Tsai, J., & Rosenheck, R. (2015). Risk factors for homelessness among US veterans. *Epidemiologic reviews*, 37, 177-195. <https://doi.org/10.1093/epirev/mxu004>.
- Umberson, D. & Montez, K.J. (2010). Social relationships and health: A flashpoint for health policy. *Journal of Health and Social Behavior*, 51(1_suppl), S54-S66.
- Vantol, V. (2019). Lack of reliable transportation keeps people in homelessness. <https://invisiblepeople.tv/lack-of-reliable-transportation-keeps-people-in-homelessness/>.
- Vandentorren, S. & Chauvin, P. 2018. Health and health care for homeless people in various contexts. *International Journal of Environment Research and Public Health*, 15, 1-2.
- Visher, C. A. & Travis, J. (2011). Life on the outside. *The Prison Journal* 91(3_suppl): 102S-119S.
- Winetrobe, H., Wenzel, S., Rhoades, H., Henwood, B., Rice, E. & Harris, T. (2017). Differences in health and social support between homeless men and women entering permanent supportive housing. *Women's Health Issues*, 27(3), 286-293.
- Yani, N. M. A., Zahari, N. Z., Samah, N. F. Azahar, M. A., Yasin, S. M., Saman, M. S & Noor, N. A. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46-58.